

01/09/2000

Sumbangan wanita media dihargai

SEBAGAI penghormatan dan penghargaan kepada wanita yang berkecimpung dalam dunia media, Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur meraikan mereka sempena sambutan Hari Wanita, baru-baru ini.

Pengurus Besar Mandarin Oriental Kuala Lumpur, Christian Hassing berkata, wanita yang membabitkan diri dalam bidang media adalah simbol wanita bersemangat tinggi.

Menurut beliau, pihaknya menghargai sumbangan wanita yang bertugas dalam media kerana mereka banyak menghasilkan berita dan menulis rencana berkaitan wanita.

"Penulisan seumpama itu, boleh memberi perangsang, semangat dan pengetahuan yang berguna untuk masyarakat, khususnya wanita di negara ini. Pihak kami berbangga kerana wanita dalam media secara tidak langsung mengangkat status wanita dalam masyarakat," ujarnya.

Pada majlis itu, Christian menyampaikan sumbangan Mandarin Oriental RM5,000 kepada Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir.

Sumbangan itu diharap membantu usaha MAM membela nasib wanita yang dijangkiti HIV di negara ini.

(END)